

**KECEKAPAN PENGURUSAN KELAS  
PENDIDIKAN JASMANI DALAM KALANGAN  
GURU PRAPERKHIIDMATAN**

**ISMAIL BIN YAACOB**

**UNIVERSITI SAINS MALAYSIA**

**2015**

**KECEKAPAN PENGURUSAN KELAS  
PENDIDIKAN JASMANI DALAM KALANGAN  
GURU PRAPERKHIIDMATAN**

oleh

**ISMAIL BIN YAACOB**

**Tesis yang diserahkan untuk memenuhi  
keperluan bagi Ijazah Doktor Falsafah**

**Oktober 2015**

## PENGHARGAAN

Saya mengambil kesempatan ini untuk berterima kasih dan mengucapkan setinggi-tinggi penghargaan kepada P.M. Dr. Ahmad Tajuddin bin Othman (Penyelia Utama), dan Dr. Norezan binti Esa (Penyelia Bersama). Penat lelah dan komitmen anda dalam memberikan tunjuk ajar, dorongan dan bimbingan akan diingati sepanjang hayat dikandung badan.

Terima kasih yang tidak terhingga atas kepercayaan yang diberikan oleh Bahagian Pendidikan Guru dan Bahagian Tajaan Pendidikan, Kementerian Pendidikan Malaysia yang memilih dan menaja pengajian saya pada peringkat Doktor Falsafah ini. Ucapan penghargaan kepada pengarah dan Ketua-ketua Jabatan Institut Pendidikan Guru Malaysia yang terlibat dalam kajian ini kerana memberi sokongan dan kerjasama yang sangat padu.

Sekalung ucapan terima kasih kepada Dekan dan pensyarah di Pusat Pengajian Ilmu Pendidikan, Universiti Sains Malaysia yang terlibat secara langsung mahupun tidak dalam memberi tunjuk ajar sepanjang kajian dijalankan. Begitu juga kepada guru-guru praperkhidmatan Program Ijazah Sarjana Muda Perguruan (PISMP) yang terlibat sebagai peserta kumpulan fokus, responden kajian rintis, responden kajian serta pembantu-pembantu yang menyokong kerja buat saya ini. Paling tidak dilupakan pakar-pakar bahasa dan kandungan yang sama-sama memerah otak menyumbang idea kepada pembinaan instrumen kajian. Akhir sekali, untuk ibu, bapa, isteri dan anak-anak Izzan, Izzat, Isyraf dan Aisyah serta semua ahli keluarga yang lain terima kasih banyak kerana memberi ruang untuk saya menimba ilmu. Kepada rakan-rakan di semua IPG yang memberi sokongan moral, diucapkan terima kasih semoga kalian semua beroleh keberkatanNya – Amin.

# ISI KANDUNGAN

	<b>Muka Surat</b>
<b>PENGHARGAAN</b>	ii
<b>KANDUNGAN</b>	iii
<b>SENARAI JADUAL</b>	ix
<b>SENARAI RAJAH</b>	xi
<b>ABSTRAK</b>	xii
<b>ABSTRACT</b>	xiv
<b>BAB SATU    PENGENALAN</b>	
1.1    Pendahuluan	1
1.2    Latar Belakang Kajian	1
1.3    Pernyataan Masalah	20
1.4    Objektif Kajian	22
1.5    Persoalan Kajian	22
1.6    Hipotesis Kajian	23
1.7    Kepentingan Kajian	25
1.8    Kerangka Teori Kajian	27
1.9    Limitasi Kajian	29
1.10    Definisi Operasional Kajian	32
1.11    Rumusan	36
<b>BAB DUA    SOROTAN LITERATUR</b>	37
2.1    Pendahuluan	37

2.2	Teori	37
2.2.1	Teori Pembelajaran Sosial	38
2.2.2	Teori Pembelajaran Kognitif	43
2.2.3	Teori Pembelajaran Konstruktivisme	44
2.2.4	Model Perubahan Kendiri Guru	45
2.2.5	Model Kompetensi	46
2.3	Variabel Kajian	48
2.3.1	Variabel Bebas	48
2.3.2	Variabel Bersandar	48
2.4	Sorotan Kajian	48
2.4.1	Tinjauan Umum	49
2.4.2	Pengurusan Peralatan dan Kemudahan	53
2.4.3	Bimbingan Pensyarah Penyelia	56
2.4.4	Bimbingan Guru Pembimbing	58
2.4.5	Kemahiran Guru Praperkhidmatan	62
2.4.6	Beban Tugas Tambahan	65
2.4.7	Karenah Murid	66
2.4.8	Komitmen Guru Praperkhidmatan	70
2.4.9	Pengajaran Mikro	71
2.4.10	Kesukaran Memperoleh Peralatan dan Kemudahan	72
2.4.11	Pengetahuan dan Kemahiran Pedagogi	74
2.4.12	Kebolehan Mengelola Pengajaran dan Pembelajaran	75
2.4.13	Pengetahuan dan Kemahiran Kandungan Mata Pelajaran	77

2.5	Kerangka Konseptual Kajian	78
2.6	Rumusan Sorotan Kajian	80
<b>BAB TIGA</b>	<b>METODOLOGI KAJIAN</b>	81
3.1	Pendahuluan	81
3.2	Reka Bentuk	81
3.2.1	Jenis Kajian	81
3.2.2	Bentuk Kajian	83
3.3	Populasi dan Sampel Kajian	83
3.4	Pemerihalan Responden	86
3.5	Instrumen Kajian	88
3.5.1	Pembinaan Instrumen	88
3.6	Kajian Rintis	105
3.7	Kesahan dan Kebolehpercayaan Instrumen Kajian	108
3.8	Analisis Faktor Skala Pengukuran	109
3.9	Keputusan Analisis Faktor Pengaruh dan ciri Kecekapan	110
3.9.1	Faktor Pengurusan Peralatan dan Kemudahan	110
3.9.2	Faktor Bimbingan Pensyarah Penyelia	116
3.9.3	Faktor Bimbingan Guru Pembimbing	114
3.9.4	Faktor Kemahiran Guru Praperkhidmatan	117
3.9.5	Faktor Beban Tugas Tambahan	121
3.9.6	Faktor Karenah Murid	122
3.9.7	Faktor Komitmen Guru Praperkhidmatan	123

3.9.8	Faktor Pengajaran Mikro	124
3.9.9	Faktor Kesukaran Memperoleh Peralatan dan Kemudahan	125
3.1.10	Ciri Pengetahuan dan Kemahiran Pedagogi	126
3.9.11	Ciri Mengelola Pengajaran dan Pembelajaran	127
3.9.12	Ciri Pengetahuan dan Kemahiran Kandungan Mata Pelajaran	128
3.10	Kebolehpercayaan Alat Ukur	130
3.11	Kenormalan Taburan Data	132
3.12	Prosedur Pengumpulan Data	133
3.13	Prosedur dan Kaedah Menganalisis Data	135
3.14	Rumusan	140
<b>BAB EMPAT HASIL KAJIAN</b>		141
4.1	Pendahuluan	141
4.2	Hubungan Antara Variabel Kajian	141
4.3	Analisis Dapatan Kuantitatif	142
4.3.1	Hubungan Antara Faktor Mempengaruhi dengan Kecekapan Pengurusan Kelas Pendidikan Jasmani	142
4.3.2	Faktor Paling Dominan Memberi Pengaruh kepada Kecekapan Pengurusan Kelas	146
4.4	Analisis Dapatan Kualitatif	151
4.4.1	Pengurusan Peralatan dan Kemudahan Terhadap Kecekapan Pengurusan Kelas Pendidikan Jasmani.	152
4.4.2	Bimbingan Pensyarah Penyelia Terhadap Kecekapan Pengurusan Kelas Pendidikan Jasmani	164

4.4.3	Bimbingan Guru Pembimbing Terhadap Kecekapan Pengurusan Kelas Pendidikan Jasmani	177
4.4.4	Kemahiran Guru Praperkhidmatan Terhadap Kecekapan Pengurusan Kelas Pendidikan Jasmani	187
4.4.5	Beban Tugas Tambahan Terhadap Kecekapan Pengurusan Kelas Pendidikan Jasmani	197
4.4.6	Karenah Murid Terhadap Kecekapan Pengurusan Kelas Pendidikan Jasmani	204
4.4.7	Komitmen Guru Praperkhidmatan Terhadap Kecekapan Pengurusan Kelas Pendidikan Jasmani	212
4.4.8	Pengajaran Mikro Guru Terhadap Kecekapan Pengurusan Kelas Pendidikan Jasmani	219
4.4.9	Kesukaran Memperoleh Peralatan dan Kemudahan Terhadap Kecekapan Pengurusan Kelas Pendidikan Jasmani.	224
4.4.10	Pengetahuan dan Kemahiran Pedagogi	229
4.4.11	Kebolehan Mengelola Pengajaran Pendidikan Jasmani	233
4.4.12	Pengetahuan dan Kemahiran Kandungan Mata Pelajaran	238
4.4.13	Faktor Paling Dominan Memberi Pengaruh kepada Kecekapan Pengurusan Kelas	241
4.4.14	Cadangan Penambahbaikan Praktikum	249
4.5	Rumusan	259
<b>BAB LIMA</b>	<b>PERBINCANGAN DAN KESIMPULAN</b>	261
5.1	Pendahuluan	261

5.2	Perbincangan Dapatan Utama Kajian	262
5.2.1	Hubungan antara Faktor Pengaruh dengan Kecekapan Pengurusan Kelas	262
5.2.2	Faktor Paling Dominan Memberi Pengaruh Kepada Kecekapan Pengurusan Kelas	283
5.2.3	Cadangan Penambahbaikkan Praktikum	286
5.3	Rumusan Perbincangan Dapatan Kajian	291
5.4	Limitasi Kajian	292
5.5	Cadangan Kajian Lanjutan	294
5.6	Kesimpulan	295
	<b>RUJUKAN</b>	298
	<b>LAMPIRAN</b>	
Lampiran A	Surat Kebenaran	306
Lampiran B	Soal Selidik	309
Lampiran C	Soalan Temu Bual	319

## SENARAI JADUAL

			<b>Muka Surat</b>
Jadual	1.1	Ulasan Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Jasmani	13
Jadual	2.1	Standard Guru Permulaan Mengikut NASPE	51
Jadual	3.1	Sampel Kajian IPG Zon Utara	84
Jadual	3.2	Bilangan Responden Mengikut Demografi	88
Jadual	3.3	Sumber Pembinaan Item	97
Jadual	3.4	Bilangan Komponen	99
Jadual	3.5	Jumlah Item Mengikut Komponen	100
Jadual	3.6	Item Setelah Proses Penyingkiran	101
Jadual	3.7	Kandungan Item Mengikut Bahagian Soal Selidik	102
Jadual	3.8	Taburan Item Soal Selidik Sebenar	103
Jadual	3.9	Analisis Faktor Skala Pengurusan Peralatan dan Kemudahan	111
Jadual	3.10	Ulangan Analisis Faktor Skala Pengurusan Peralatan dan Kemudahan	112
Jadual	3.11	Analisis Faktor Skala Bimbingan Pensyarah Penyelia	113
Jadual	3.12	Ulang Analisis Faktor Skala Bimbingan Pensyarah Penyelia	114
Jadual	3.13	Analisis Faktor Skala Bimbingan Guru Pembimbing	115
Jadual	3.13a	Ulang Analisis Faktor Skala Subfaktor 1 Bimbingan Guru Pembimbing	116
Jadual	3.13b	Ulang Analisis Faktor Skala Subfaktor 2 Bimbingan Guru Pembimbing	117
Jadual	3.14	Analisis Faktor Skala Kemahiran Guru Praperkhidmatan	118
Jadual	3.15	Ulang Analisis Faktor Skala Kemahiran Guru Praperkhidmatan setelah item E6 disingkirkan	119

Jadual	3.15a	Analisis Faktor Skala Subfaktor 1 Kemahiran Guru Praperkhidmatan - Membantu dalam pelaksanaan	120
Jadual	3.15b	Analisis Faktor Skala Subfaktor 2 Kemahiran Guru Praperkhidmatan – Faedah daripada Pengalaman	121
Jadual	3.16	Analisis Faktor Skala Beban Tugas Tambahan	122
Jadual	3.17	Analisis Faktor Skala Karenah Murid	123
Jadual	3.18	Analisis Faktor Skala Komitmen Guru Praperkhidmatan	124
Jadual	3.19	Analisis Faktor Skala Pengajaran Mikro	125
Jadual	3.20	Analisis Faktor Skala Kesukaran Memperoleh Peralatan dan Kemudahan	126
Jadual	3.21	Analisis Faktor Skala Pengetahuan dan Kemahiran Pedagogi	127
Jadual	3.22	Analisis Faktor Skala Kebolehan Mengelola Pengajaran dan Pembelajaran	128
Jadual	3.23	Analisis Faktor Skala Pengetahuan dan Kemahiran Kandungan Mata Pelajaran	129
Jadual	3.24	Kebolehpercayaan Instrumen Pengukuran Konstruk Kajian	131
Jadual	3.25	Nilai Kurtosis Setiap Variabel	133
Jadual	3.26	Pengujian Hipotesis Nol	137
Jadual	4.1	Kekuatan Nilai Pekali Korelasi	141
Jadual	4.2	Nilai Korelasi Pearson Hubungan Faktor Pengaruh Terhadap Kecekapan Pengurusan Kelas	142
Jadual	4.3	Ringkasan Model $R^2$	147
Jadual	4.4	Analisis Varians Model yang Menunjukkan Signifikan $R^2$	148
Jadual	4.5	Koefisien Variabel Peramal dengan Variabel Bersandar	149

## SENARAI RAJAH

			<b>Muka Surat</b>
Rajah	1.1	Pembentukan kerangka konsep	28
Rajah	2.1	Model penilaian sendiri guru sebagai mekanisme perubahan guru	46
Rajah	2.2	Model kompetensi <i>iceberg</i> .	47
Rajah	2.3	Kerangka konseptual kajian.	79
Rajah	3.1	Empat reka bentuk utama kaedah gabungan (Mixed Method)	82
Rajah	3.2	Prosedur pembinaan instrumen kajian	93
Rajah	3.3	Prosedur pengumpulan data kajian rintis	106
Rajah	3.4	Prosedur pengumpulan data kuantitatif dan data kualitatif	134
Rajah	3.5	Prosedur analisis data kuantitatif	136
Rajah	3.6	Prosedur analisis maklumat temu bual	138
Rajah	3.7	Contoh laporan analisis data temu bual	139

# **KECEKAPAN PENGURUSAN KELAS PENDIDIKAN JASMANI DALAM KALANGAN GURU PRAPERKHIDMATAN**

## **ABSTRAK**

Tujuan kajian ini ialah untuk memeriksa faktor-faktor yang mempengaruhi kecekapan pengurusan kelas Pendidikan Jasmani dalam kalangan guru-guru praperkhidmatan. Fokus kajian secara khusus bertujuan: a) melihat hubungan pengaruh dengan ciri kecekapan guru praperkhidmatan, dan b) meninjau pengaruh yang dominan mempengaruhi kecekapan pengurusan kelas guru praperkhidmatan. Kajian ini juga bertujuan meninjau pandangan guru praperkhidmatan berkenaan harapan mereka menjadikan pengurusan kelas Pendidikan Jasmani lebih berjaya. Pensampelan bertujuan telah digunakan untuk merekrut 556 responden yang menjalani sesi praktikum di sekolah rendah. Data diperolehi dengan menggunakan dua kaedah iaitu melalui soal selidik dan temu bual. Analisis data kuantitatif melibatkan penggunaan min, sisihan piawai, ANOVA, korelasi, manakala data daripada temu bual dianalisis secara manual. Kajian mendapati bahawa enam faktor telah memberi pengaruh terhadap kecekapan guru praperkhidmatan iaitu Pensyarah Penyelia, Guru Pembimbing, Kemahiran Guru Praperkhidmatan, Karenah Murid, Komitmen Guru Praperkhidmatan, dan Pengajaran Mikro. Manakala faktor dominan daripada sembilan faktor yang mempengaruhi kecekapan pengurusan bilik darjah adalah Kemahiran Guru Praperkhidmatan. Hasil kajian juga mendapati tiada perbezaan antara jantina, lokasi sekolah praktikum, opsyen dan pengalaman guru praperkhidmatan dalam sukan dan permainan. Tambahan pula, keputusan menunjukkan enam langkah yang dicadangkan oleh guru praperkhidmatan untuk membuat pengurusan kelas Pendidikan Jasmani lebih berjaya adalah melibatkan kualiti dan peranan pensyarah penyelia, guru

praperkhidmatan, institusi latihan guru, sekolah, guru pembimbing, dan pengajaran mikro.

**EFFICIENCY OF PHYSICAL EDUCATION CLASS MANAGEMENT  
AMONG PRE-SERVICE TEACHERS**

**ABSTRACT**

The purpose of this study was to examine the factors that influence the efficiency of the management of physical education classes among pre-service teachers. The study focuses on a more specific aims: a) the relationship influences the efficiency of its pre-service teachers, and b) explore the influence of the dominant influence the efficiency of pre-service teachers' classroom management. This study reviewed the pre-service teachers' views of their hope in a physical education class management more successful. Purposive sampling was used to recruit 556 respondents undergoing practical training sessions in primary schools. Data obtained using the two methods through questionnaires and interviews. Quantitative data analysis involve using means, standard deviations, ANOVA, correlations, while data from interviews were analyzed manually. The study found that six factors that influenced the efficiency of pre-service teachers were Supervising Lecturer, Mentoring Teacher, Pre-service Teachers' Skills, Students' Misbehavior, Pre-Service Teacher's Commitment, and Micro Teaching. The dominant factor of nine factors that influence the efficiency of classroom management was the Pre-service Teachers' Skills. The study also found there were no difference between gender, school location practicum, options and pre-service teacher experience in sports and games. Furthermore, results showed that six measures suggested by pre-service teachers to make Physical Education class management more successful involved the quality and the role of supervising lecturers, pre-service teachers, teacher training institutes, schools, mentoring teachers, and micro teaching.

# **BAB SATU**

## **PENGENALAN**

### **1.1 Pendahuluan**

Perbincangan bab ini bertumpu kepada perkembangan latihan guru di Malaysia khususnya guru Pendidikan Jasmani dan keperluannya selaras dengan pertambahan bilangan sekolah. Kepentingan menghasilkan guru Pendidikan Jasmani yang baik melalui latihan formal dan tinjauan awal pengkaji terhadap penyeliaan dan refleksi praktikum. Seterusnya bab ini memuatkan pernyataan masalah kajian, objektif kajian, persoalan kajian, hipotesis kajian, kepentingan kajian, kerangka teori, limitasi kajian dan definisi operasional yang menyentuh istilah yang digunakan dalam idea kajian dan diakhiri dengan rumusan ringkas keseluruhan Bab Satu.

### **1.2 Latar Belakang Kajian**

Latihan guru sekolah rendah di Malaysia bermula apabila beberapa buah sekolah percubaan dibuka oleh A. M. Skinner di Seberang Prai pada tahun 1871. Faktor kekurangan guru menyebabkan guru al-Quran diambil berkhidmat di sekolah-sekolah rendah. Selain itu, guru Melayu dipilih juga daripada kalangan lepasan sekolah Melayu. Keadaan ini bagaimanapun kurang membantu menambahkan bilangan guru di sekolah ketika itu. Untuk mengatasi masalah kekurangan guru, satu langkah menubuhkan Kolej Latihan Melayu di Singapura pada tahun 1878 telah diambil. Penubuhan kolej tersebut adalah hasil cadangan Skinner. Seramai 10 orang guru pelatih lelaki berkelulusan darjah 5 dan berumur lebih 18 tahun diambil mengikuti

latihan yang dijalankan selama setahun. Kandungan kurikulum ketika itu meliputi mata pelajaran Ilmu Hisab, Rumi Melayu, Ilmu Alam, Peraturan-peraturan Sekolah, Kesihatan dan Pertanian. Pada ketika ini mata pelajaran Pendidikan Jasmani belum wujud. Latihan dalam mata pelajaran Pendidikan Jasmani hanya bermula apabila Sekolah Latihan Guru Melayu dibuka di Melaka pada tahun 1900. Seramai 24 orang guru pelatih lelaki mengikuti kursus dengan diwajibkan mengikuti latihan mengajar di sekolah yang berhampiran. Apabila Sekolah Latihan Guru Melayu Melaka ditutup pada 1922, Maktab Perguruan Sultan Idris di Tanjung Malim mula beroperasi. Kumpulan pertama ialah seramai 115 orang guru pelatih lelaki. Walau bagaimanapun mata pelajaran yang diutamakan oleh maktab ini pada ketika itu ialah kursus perkebunan dan kursus kraftangan. Senario latihan guru sedikit berubah apabila Maktab Perguruan Perempuan Melayu Melaka (*Malay Women Training College*) ditubuhkan pada tahun 1935. Guru pelatih perempuan seramai 24 orang telah mengikuti kursus utama iaitu Sains Rumah Tangga. Pada masa yang sama mereka juga mengikuti mata pelajaran lain seperti Mengarang, Sejarah, Ilmu Alam, Kesihatan, Pengetahuan Agama, Nyanyian, Latihan Jasmani dan Latihan Mengajar (Mok Soon Sang & Lee Shok Mee, 1998; Noran Fauziah Yaakob & Ahmad Mahzan Ayob, 1992).

Latihan guru sekolah rendah dalam bidang khusus hanya dimulakan setelah sebuah jawatankuasa khas dilantik pada tahun 1963 untuk mengkaji kursus dan sukatan latihan perguruan. Di bawah Program Integrasi, kesemua enam buah maktab perguruan disusun semula supaya setiap satunya melatih bakal-bakal guru dalam bidang tertentu sahaja. Lanjutan daripada itu, guru Pendidikan Jasmani dilatih di Maktab Perguruan Ilmu Khas, Kuala Lumpur. Tempoh latihan untuk program pengajian asas adalah selama 2 tahun manakala untuk guru terlatih selama setahun.

Kelayakan akademik yang diperlukan ialah Sijil Rendah Pelajaran Malaysia. Walau bagaimanapun, pada tahun 1971 satu seminar anjuran Bahagian Latihan Guru mencadangkan syarat kelayakan akademik dinaikkan kepada Sijil Pelajaran Malaysia (MCE) (Mok & Lee 1998).

Program latihan guru Pendidikan Jasmani semakin berkembang apabila bilangan maktab dan institusi perguruan ditambah bilangannya. Perubahan juga berlaku dari segi kelayakan masuk dan program yang ditawarkan. Perubahan ini membawa kesan kepada kelayakan guru pelatih yang pada hari ini dikenali sebagai guru praperkhidmatan. Kursus-kursus adalah pada peringkat diploma, lepasan ijazah, dan program ijazah sarjana muda. Bermula dengan Sijil Perguruan, guru pelatih keluaran Institut Pendidikan Guru (IPG) kini sudah jauh berkembang. Tumpuan telah diberikan secara serius kepada persediaan guru Pendidikan Jasmani dengan adanya kursus-kursus pada setiapambilan ke IPG. Bahagian Pendidikan Guru (BPG) mula mengambil guru praperkhidmatan melalui Program Persediaan Ijazah Sarjana Muda Keguruanambilan Julai 2004. Pada ketika itu, BPG mendapatkan kerjasama dengan Universiti Terbuka Malaysia (OUM). Menurut Wuest dan Bucher (2009), keperluan guru di sekolah semakin tinggi. Menjelang dekad akan datang, dua juta guru bagi semua mata pelajaran diperlukan untuk mengambil tempat generasi guru sedia ada yang akan bersara di seluruh dunia. Oleh itu, guru baharu yang berkesan perlu disediakan. Guru permulaan ini perlu mempunyai pengharapan yang tinggi kepada pelajar, dapat mengekalkan penglibatan pelajar dalam aktiviti pembelajaran, dan menyediakan atmosfera yang menggalakkan pembelajaran. Hanya guru permulaan yang memiliki kecekapan dalam banyak bidang berlainan sahaja dapat membolehkan mereka mempertingkatkan pembelajaran pelajar.

Mata pelajaran Pendidikan Jasmani diajarkan kepada semua murid Tahun Satu sehinggalah mereka menamatkan pengajian Tingkatan Lima di sekolah-sekolah yang menggunakan kurikulum pendidikan kebangsaan di Malaysia. Hakikat ini selaras dengan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (FPK), bertujuan melahirkan insan yang dapat memperkembangkan potensi dari segi intelek, rohani, emosi dan jasmani secara menyeluruh dan bersepadu.

Kewujudan mata pelajaran Pendidikan Jasmani di sekolah bukanlah isu baharu yang perlu dibincangkan keperluannya. Namun, keupayaan guru yang menjadi tenaga pengajarnya sering diragui. Menurut Zainun Ishak (1995), masyarakat masih meragui sama ada guru Pendidikan Jasmani berkemampuan menyahut seruan kerajaan dalam melahirkan insan yang sebegitu rupa (merujuk kepada yang diharapkan daripada FPK). Cabaran dunia tanpa sempadan pada hari ini begitu mencabar kewibawaan guru. Justeru, tugas dan tanggungjawab guru semakin bertambah. Guru Pendidikan Jasmani tidak terkecuali. Mereka perlu melengkapkan diri dengan segala bentuk kemahiran yang diperlukan. Persoalannya, adakah guru yang sedang mengajar Pendidikan Jasmani sekarang bersedia? Apakah guru khas Pendidikan Jasmani diperlukan? Jika ya, bagaimana mereka ini perlu diperlengkapkan?

Menurut Harrop (1987), guru yang baik adalah dilahirkan bukan disediakan. Sekiranya pendapat ini benar, pendidikan guru akan dilihat sebagai tidak berkaitan dan tidak perlu diadakan. Namun, pemerhatian terhadap kebanyakan amalan latihan mengajar dalam kalangan guru praperkhidmatan gagal membuktikan mereka dilahirkan untuk menjadi guru. Kebanyakan individu yang mengajar telah mempunyai beberapa kelebihan, antaranya, menghargai keperluan pelajar, menghormati pelajar, disukai dan dihormati. Guru praperkhidmatan ini seronok menjalani sesi pengajaran dalam situasi sebenar. Apabila ciri-ciri ini digabungkan dengan keghairahan untuk

belajar, pengetahuan lanjut dan kurikulum yang bersesuaian, guru praperkhidmatan ini dilihat dapat menjadi guru yang baik. Mitchell, Doolite, dan Schwager (2005) mendapati bakal guru yang telah lama dalam programnya hanya mempunyai sedikit perkara untuk diperkatakan tentang pelajarnya. Profesion sebagai seorang guru menuntut pelajar sepatutnya menjadi fokus, namun dapatan seperti ini sepatutnya memberi amaran kepada mereka yang terlibat dalam mendidik guru. Dapatan ini menggambarkan seolah-olah bakal guru tidak menyerap sebarang input daripada program yang diikutinya. Bakal guru sepatutnya berkembang dan mempunyai lebih pengetahuan dan kemahiran seiring dengan berapa lama berada dalam sesuatu program. Keperluan untuk memeriksa semula program persediaan khususnya latihan amali pengajaran dilihat telah menjadi satu keperluan. Ishak Ramly (2007), telah memberi ulasan terhadap bidang dan skop kajian amalan guru dalam latihan mengajar. Beliau mencadangkan penyeliaan klinikal dan pembelajaran mikro pada peringkat institut perguruan dan universiti. Kajian seumpama ini perlu dijalankan kerana boleh mengesan kekuatan dan kelemahan guru yang sedang menjalani praktikum di sekolah. Selaras dengan itu, Morgan dan Hansen (2008) turut menyarankan kajian sepatutnya difokuskan kepada amalan di sekolah rendah dan guru dalam melaksanakan program Pendidikan Jasmani yang berjaya. Selain itu, dalam masa yang sama menyebarkan faktor-faktor dan strategi yang boleh membawa kepada Pendidikan Jasmani yang berkualiti. Barney (2005), mencadangkan pensyarah kepada guru praperkhidmatan perlu juga menyediakan peluang-peluang yang lebih menjelang praktikum.

Sehubungan itu, sangat bersesuaian apabila Standard Guru Malaysia (SGM) menggariskan kompetensi profesional yang patut dicapai oleh guru dan agensi yang terlibat dengan latihan perguruan. Standard Guru Malaysia disediakan sebagai rujukan

kepada pihak yang terlibat ke arah melahirkan guru yang berkualiti. Pihak Institut Pendidikan Guru (IPG) tidak terkecuali dalam konteks ini. Pemantapan program latihan perguruan yang diamanahkan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia harus dilaksanakan dengan sebaik mungkin. Melalui Institut Pendidikan Guru (IPG) yang merupakan peneraju latihan perguruan dilihat perlu menggembeling tenaga bersama semua kampus IPG di seluruh Malaysia. Institut Pendidikan Guru boleh meluaskan sayapnya dengan mengadakan perbincangan dan mewujudkan persefahaman bersama Institut Pengajian Tinggi Awam (IPTA) untuk mendapatkan kepakaran yang lebih tinggi.

Ramai bakal guru memilih kerjaya ini berdasarkan sebab-sebab tersendiri. Menurut Wuest dan Bucher (2009), antara sebab individu memilih profesion sebagai guru Pendidikan Jasmani ialah mereka suka kepada kanak-kanak. Seseengah daripada mereka melihat program Pendidikan Jasmani dapat memberi faedah kepada kehidupan yang lebih berkualiti. Kesannya mereka akan berkongsi maklumat tersebut dengan individu lain. Manakala terdapat juga individu yang tidak berpuas hati dengan penglibatannya di sekolah mahu menebus kekecewaan itu dengan menjadi guru Pendidikan Jasmani. Tujuannya ialah untuk mempertingkatkan kemahiran. Ramai juga yang memilih kerjaya sebagai guru Pendidikan Jasmani disebabkan mereka gemarkan sukan dan berhasrat memperkembangkan minat itu kepada orang lain. Di samping itu, terdapat beberapa sebab lain seperti minat, mendapat peluang untuk aktiviti luar, mengekalkan kecergasan, berasa seronok, mengajar di gimnasium dan padang permainan berbanding bilik darjah, berminat melatih, dan menjadikan kerjaya pengajaran sebagai batu loncatan kepada jawatan dalam pentadbiran badan-badan sukan. Ekoran daripada itu, unsur kepelbagaian individu yang menceburi kerjaya perguruan harus disatukan melalui hasrat melahirkan guru yang berkualiti tinggi.

Hasrat ini memerlukan usaha-usaha yang berterusan dan mencakupi tiga aspek utama seperti mana digariskan oleh SGM iaitu amalan nilai profesionalisme keguruan, pengetahuan dan kefahaman, serta kemahiran pengajaran dan pembelajaran. Ketiga-tiga aspek ini apabila tiba kepada peringkat pelaksanaan akan melibatkan golongan bakal guru, pendidik guru di IPG, pengurus dan pentadbir IPG, guru besar dan pengetua sekolah, dan agensi latihan perguruan.

Program pendidikan guru di Malaysia sentiasa menitikberatkan persediaan bakal-bakal guru. Pelbagai pengisian dalam kurikulum pendidikan guru telah dilaksanakan termasuklah praktikum. Malaysia tidak bersendirian. Mau (1997) melaporkan beberapa negara seperti Amerika Syarikat dan Britain yang menyediakan latihan untuk bakal-bakal guru Pendidikan Jasmani turut mempunyai sesi praktikum. Kedua-dua negara menjalankan program pendidikan tinggi secara kerjasama dengan sekolah. Secara khususnya di Britain, persediaan guru praperkhidmatan Pendidikan Jasmani lebih berasaskan sekolah dan kurang latihan persediaan guru yang dijalankan di institusi itu sendiri. Manakala di Amerika Syarikat, program persediaan guru Pendidikan Jasmani turut berubah melalui pembinaan perhubungan yang kuat antara institusi pendidikan guru dengan sekolah. Sekolah lebih berperanan penting untuk melatih pelajar guru. Singapura, iaitu sebuah negara di Asia Tenggara turut memperkenalkan kurikulum praktikum pada tahun 1986 kepada guru praperkhidmatan bertujuan memastikan keseimbangan antara teori dengan amali. Tumpuan praktikum ialah melibatkan kehadiran guru praperkhidmatan Pendidikan Jasmani di sekolah dengan harapan mereka dapat belajar prinsip pendidikan dan pendedahan kepada perubahan dan keperluan sekolah. Fokus yang sama turut diberikan dalam kurikulum persediaan guru praperkhidmatan di Malaysia (Garis Panduan Praktikum PISMP KPM 2009). Selain itu, Barney (2005) menjelaskan

pengalaman praktikum telah dikenal pasti sebagai salah satu komponen paling penting dalam persediaan guru. Inilah masanya guru praperkhidmatan dapat aplikasikan dalam latihan berkaitan perkara yang telah dipelajari secara teori sepanjang pengajian. Di sepanjang sesi praktikum, guru praperkhidmatan akan terlibat dengan kerja-kerja seperti membuat rancangan pelajaran harian, melakukan tanggungjawab pentadbiran, pengurusan kelas dan penyimpanan alatan. Selain itu, guru praperkhidmatan yang mengajar Pendidikan Jasmani juga perlu mempunyai pengetahuan yang mencukupi seperti tahu jenis aktiviti yang bersesuaian dengan tahap pelajar.

Weiyun Chen (2003), berpendapat program persediaan guru perlu dilakukan berdasarkan satu standard yang khusus untuk melahirkan guru Pendidikan Jasmani yang cekap dan berkualiti. Tahap kecekapan guru praperkhidmatan perlu dinilai dan cara untuk menyediakan guru berkualiti mestilah ditentukan. Merujuk kepada program latihan perguruan di Institut Pendidikan Guru (IPG), kandungan program turut merangkumi kecekapan dan bermatlamat menghasilkan guru permulaan yang berkualiti sebagaimana yang dihasratkan oleh Standard Guru Malaysia (SGM). Satu daripada tumpuan ialah penekanan kepada praktikum yang disebut juga sebagai Amalan Profesional. Guru praperkhidmatan dibimbing dan diselia serta diberikan penilaian. Penilaian diberikan terhadap lapan komponen seperti kemahiran interpersonal dan intrapersonal, pengetahuan tentang mata pelajaran, pengajaran dan pembelajaran, komunikasi, pengurusan bilik darjah, penilaian, kokurikulum, dan peranan-peranan lain. Walaupun komponen pengurusan bilik darjah hanya membawa wajaran sebanyak 10 peratus dalam penilaian, komponen tersebut kerap kali menjadi kebimbangan kepada guru praperkhidmatan. Menurut Arbogast dan Chandler (2005), pengurusan kelas merupakan faktor yang penting dalam menjayakan sesuatu pelajaran. Boleh dikatakan semua guru mahukan setiap orang pelajar menumpukan

perhatian kepada tugas yang diberikan dengan harapan dapat memenuhi objektif pembelajaran. Hasil penyeliaan yang telah dijalankan oleh kedua-dua pengkaji tersebut mendapati lima amalan menjadi asas penting kepada guru Pendidikan Jasmani untuk mengekalkan pengurusan kelas yang baik dan persekitaran pembelajaran yang produktif. Amalan tersebut ialah guru perlu bergerak dengan kerap, kekalkan belakang menghadapi dinding, mengimbas secara visual keseluruhan kumpulan, dapatkan gambaran keseluruhan dan berinteraksi secara ikhlas dengan pelajar.

Kajian Kulinna, Cothran, dan Regualos (2006) tentang tingkah laku bermasalah bagaimanapun tidak mengukur kesukaran mengurus tingkah laku berkenaan. Kajian ini juga tidak menjelaskan sejauh mana faktor tingkah laku bermasalah mempengaruhi kelancaran kelas Pendidikan Jasmani. Walau bagaimanapun, kajian ini menjelaskan beberapa perkara berkaitan pengurusan. Pertama, cara kemahiran mengurus pelajar tingkah laku bermasalah dapat diajarkan kepada guru. Kedua, cara variabel keadaan mempengaruhi tingkah laku pelajar dalam kelas Pendidikan Jasmani. Berkemungkinan pelajar yang ramai, ruang yang kecil dan peralatan yang terhad menjadi punca kepada berlakunya tingkah laku bermasalah dalam kalangan pelajar. Keadaan ini seterusnya mempengaruhi keupayaan guru mengendalikan kelas Pendidikan Jasmani. Berdasarkan keperluan guru praperkhidmatan kepada peningkatan kemahiran mengurus tingkah laku murid, Hawkins (2009) mencadangkan ditetapkan matlamat untuk menyediakan latihan perguruan dengan kemahiran yang bersesuaian untuk menghadapi pelajar yang berbeza latar belakang kebolehan dan pengetahuan. Latihan sebegini membolehkan guru mengamalkan pembezaan terhadap individu yang berbeza yang akhirnya signifikan dengan amalan pengurusan kelas yang baik.

Kajian lepas mendapati, salah satu aspek yang penting kepada latihan persediaan bakal guru ialah pengurusan kelas. Hal ni kerana menguruskan kelas Pendidikan Jasmani berbeza dengan kelas biasa. Kelas Pendidikan Jasmani diadakan di kawasan yang terbuka seperti di padang permainan. Keadaan ini menuntut para bakal guru untuk mempunyai kemahiran menguruskan kelas dengan lebih baik. Collier dan Hebert (2004) mendapati dalam kajiannya terhadap 359 orang guru Pendidikan Jasmani bahawa aspek kemahiran mengajar yang paling penting ialah pengurusan kelas (38%) diikuti oleh pengurusan tingkah laku pelajar (29%). Manakala Atef Yusuf dan Basim Ali (2007) menyatakan amalan guru yang berbeza dalam pengurusan bilik darjah dan kekurangan pengalaman mengenainya akan mengakibatkan kesan negatif dan positif kepada proses pengajaran. Kajian Kulinna et al. (2006) yang melihat pandangan guru terhadap tingkah laku bermasalah pelajar, mendapati para guru yang berpengalaman juga turut menghadapi masalah. Diikuti kajian berikutnya daripada perspektif pelajar (Cothran & Kulinna, 2007) yang mendapati pelajar kerap kali mengganggu kelas Pendidikan Jasmani dengan pelbagai tingkah laku bermasalah seperti tidak menumpukan perhatian, mengganggu rakan, tidak mengikut arahan, tidak cergas dan bercakap-cakap sesama sendiri. Keadaan ini telah mempengaruhi pengurusan kelas Pendidikan Jasmani.

Tinjauan awal telah dilakukan oleh pengkaji ke atas dokumen-dokumen penyeliaan praktikum di sebuah institut pendidikan guru pada April dan Mei 2009. Tujuan tinjauan dilakukan ialah untuk melihat senario yang dihadapi oleh guru praperkhidmatan dalam konteks setempat untuk memastikan masalah yang dihadapi adalah selari dengan masalah pada peringkat global. Tinjauan ini selaras dengan cadangan Weiyun Chen (2003) iaitu untuk mengetahui pencapaian sebenar guru praperkhidmatan, kajian perlulah mencantumkan inventori dengan instrumen lain

seperti pemerhatian, menilai folio pengajaran dan ujian-ujian pedagogi. Beliau turut mencadangkan supaya ANSI (*Achieving the NASPE Standard Inventory*) sebagai alat penilaian sendiri kecekapan guru praperkhidmatan.

Dokumen seperti borang PR1, PR2, LAM PT 12-12, buku persediaan mengajar dan jurnal refleksi pelajar diteliti untuk mendapatkan maklumat berkaitan pengurusan kelas Pendidikan Jasmani. Hasil daripada maklumat, didapati 175 kali pemerhatian menggunakan borang PR1 telah dijalankan oleh guru pembimbing dan pensyarah penyelia terhadap 68 orang guru praperkhidmatan Kursus Pengajian Lepas Ijazah (KPLI)ambilan Januari 2008. Berdasarkan data bagi komponen pengurusan kelas didapati hanya 46 (26.2%) pemerhatian sahaja berada pada tahap ‘amat baik, cemerlang dalam banyak aspek’. Sebanyak 68 (38.8%) pemerhatian pada ‘tahap baik dalam banyak aspek’, 56 (32%) pemerhatian berada pada tahap ‘pencapaian sederhana dan masih perlu peningkatan’, dan 5 (2.8%) pemerhatian pada tahap ‘terdapat beberapa kelemahan yang perlu diberi perhatian’.

Penyelidik telah meneliti komen daripada guru pembimbing dan pensyarah penyelia. Didapati, komen yang diberikan sangat terhad dan ringkas dalam borang PR1 disebabkan ruangan yang disediakan untuk tujuan tersebut sangat kecil. Kekangan ruangan komen menyebabkan guru pembimbing dan pensyarah penyelia didapati kurang menyatakan dengan jelas apakah kelemahan guru praperkhidmatan dalam pengurusan kelas Pendidikan Jasmani. Mereka sekadar menulis ‘memuaskan’, ‘baik’, ‘perlu tingkatkan kawalan pelajar’, ‘pengurusan kelas terkawal’ dan seumpamanya. Guru pembimbing didapati hanya membulatkan skor tahap pencapaian pelajar, tiada komen atau ulasan diberikan. Kepentingan penggunaan borang PR1 sebagai dokumen rasmi bimbingan seperti diabaikan. Pengkaji mendapati terdapat frasa yang sama dalam komen atau ulasan yang diberikan oleh guru pembimbing dan

pensyarah penyelia. Sebagai contoh, ‘kawalan kelas yang baik’ untuk guru praperkhidmatan A ditulis juga kepada guru B tanpa menjelaskan apakah yang dimaksudkan dengan baik itu.

Borang PR2 merupakan borang yang digunakan untuk penilaian praktikum kursus major. Pengurusan bilik darjah merupakan komponen yang diletakkan dalam Bahagian E, mewakili 10 markah. Aspek yang dinilai dalam bahagian ini ialah pengurusan pelajar, kebolehan memotivasikan pelajar, pengurusan persekitaran pembelajaran, kawalan bilik darjah, dan penggunaan dendaan/ganjaran. Pengkaji meneliti sembilan dokumen ini yang mewakili sembilan orang guru praperkhidmatan major Pendidikan Jasmani. Semua komen dan ulasan diberikan oleh enam orang pensyarah penyelia daripada Jabatan Pendidikan Jasmani dan Kesihatan institusi berkenaan. Komen dan ulasan ditunjukkan seperti dalam Jadual 1.1.

Jadual 1. 1

*Ulasan Penyeliaan Pengajaran dan Pembelajaran Pendidikan Jasmani*

Guru Praperkhidmatan	Komen / Ulasan Pensyarah Penyelia
1	Dapat menangani situasi yang berlaku secara tiba-tiba dengan bijak.
2	Dapat menangani situasi yang berlaku secara tiba-tiba dengan bijak dan penuh keyakinan.
3	Pengurusan bilik darjah baik. Guru perlu berusaha menggunakan ruang yang lebih.
4	Pengurusan bilik darjah, pelajar dan persekitaran baik. Kebolehan memotivasikan pelajar perlu ditingkatkan. Ganjaran dan dendaan boleh digunakan.
5	Mempunyai daya usaha untuk memotivasikan pelajar bermasalah.
6	Kawalan kelas yang baik dan memuaskan.
7	Pengurusan kelas terkawal.
8	Guru kerap kali keluar daripada perancangan organisasi yang disediakan, walaupun perancangan itu baik tetapi tidak diikuti. Perlu tingkatkan lagi bentuk ganjaran seperti pujian, beri peluang pelajar pameran hasil kerja/pendapat.
9	Kawalan kelas efisien, bersesuaian dengan aktiviti. Guru ada memberi ganjaran / motivasi kepada pelajar.

Komen terhadap guru praperkhidmatan 3, 4 dan 8 menggambarkan terdapat aspek pengurusan kelas yang perlu diberi perhatian. Walaupun mereka telah dibimbing sebelum ini menggunakan borang PR1, masih terdapat kelemahan yang ditunjukkan dalam penilaian akhir ini. Menjadi tanda tanya tentang keberkesanan

bimbingan yang diberikan. Apakah guru praperkhidmatan tidak mampu menyerap input yang diberikan atau terdapat faktor lain? Melihat daripada bentuk komen yang diberikan, masih kedapatan pengulangan frasa contohnya komen terhadap guru praperkhidmatan 1 dan 2. Komen-komen lain juga berbentuk umum kecuali komen kepada guru praperkhidmatan 8 yang mencerminkan kekhususan.

Pensyarah penyelia praktikum menilai guru praperkhidmatan Pendidikan Jasmani berdasarkan kriteria penyeliaan praktikum Bahagian Pendidikan Guru, Kementerian Pelajaran Malaysia. Borang-borang standard digunakan di seluruh Institut Pendidikan Guru. Hasil penilaian mengharapakan guru praperkhidmatan menunjukkan peningkatan prestasi amalan yang baik pada setiap kali penyeliaan. Penyelia mengharapakan guru praperkhidmatan yang mengajar Pendidikan Jasmani ini dapat menguasai dengan cepat segala kemahiran. Mereka kurang menyedari, guru praperkhidmatan bertungkus-lumus untuk menjayakan tugas mereka. Keadaan ini digambarkan dalam kajian Mau (1997) berkaitan kebimbangan guru praperkhidmatan. Guru praperkhidmatan begitu bimbang dan memberi perhatian yang lebih kepada kemampuan mereka untuk mengekalkan kawalan kelas yang sesuai, dapat melakukan yang terbaik apabila pensyarah penyelia hadir membuat penyeliaan, dan dihormati oleh profesional dalam bidang ini. Kecekapan mereka juga dipengaruhi oleh kebimbangan kepada tekanan yang melampau secara berterusan sepanjang sesi praktikum berlangsung termasuklah pengaruh daripada tingkah laku pelajar yang memberikan perhatian, bercakap dengan pelajar lain, tidak mengikut arahan dan tidak menghabiskan tugas. Kekangan yang dihadapi membataskan kejayaan terutama kepada guru praperkhidmatan yang masih baru. Guru praperkhidmatan paling banyak kebimbangan selepas selesai menjalani praktikum pada kali pertama terutamanya dalam aspek kawalan kelas dan memenuhi kepelbagaian pelajar. Mau (1997) turut

memberikan satu sebab 'mengapa' belajar mengurus pelajar melalui kerja kursus adalah tidak memadai untuk dijadikan keyakinan dalam pengajaran sebenar. Beliau menegaskan keperluan guru praperkhidmatan melalui pengalaman sebenar untuk belajar menguruskan kelas dengan baik. Manakala Barney dan Pleban (2006) memberikan sebab guru praperkhidmatan memberikan tumpuan kepada kawalan kelas. Guru praperkhidmatan berpegang kepada pendapat mereka iaitu sekiranya dapat mengawal pelajar dalam kelas, hal ini akan menjamin kelancaran pengurusan kelas dalam banyak perkara. Banyak perkara yang tidak diinginkan oleh seorang guru praperkhidmatan dapat dielakkan. Di samping itu, guru praperkhidmatan turut bimbang terhadap kepelbagaian pengharapan guru pembimbing terhadap mereka. Hubungan yang wujud antara guru pembimbing, pensyarah penyelia dengan guru praperkhidmatan dan praktikum yang terlalu kompleks pada kali pertama sangat membimbangkan dan tidak dapat diselesaikan dengan mudah. Persoalannya sejauh manakah penyelia menyedari dan memahami situasi guru praperkhidmatan ini?

Seorang guru praperkhidmatan (Guru A) menulis dalam jurnal mingguan praktikum untuk menyatakan keresahannya menghadapi murid-murid yang kelihatan seolah-olah bosan dengan pengajaran Pendidikan Jasmani yang dijalankan. Terdapat murid-murid yang menunjukkan ekspresi muka yang tidak menyenangkan kerana tidak dapat bermain permainan yang digemari. Murid-murid juga didapati suka bertengkar sehinggakan ada dalam kalangan mereka yang menangis sebagai akibat pertengkaran yang berlanjutan. Punca pertengkaran adalah berkenaan perkara kecil seperti memilih kawan dalam membentuk kumpulan aktiviti. Keinginan murid-murid mempertahankan hak, sikap suka mengata, cabar-mencabar dan menunjukkan kekuatan kepada rakan turut menjadi punca pertengkaran. Akibatnya wujud kumpulan-kumpulan tertentu dalam kelas Pendidikan Jasmani.

Guru praperkhidmatan kedua (Guru B) mencatatkan kerisauan terhadap murid yang kurang memberi tumpuan kepada arahan guru dalam kelas Pendidikan Jasmani. Murid didapati kurang menggemari isi kandungan yang diajarkan sedangkan guru praperkhidmatan perlu mengajar mengikut sukatan pelajaran yang telah disediakan oleh Kementerian Pelajaran Malaysia. Murid lebih tertarik kepada permainan yang telah lama menjadi minat mereka terutamanya bola sepak. Murid-murid daripada kumpulan yang aktif paling kurang memberikan tumpuan kerana lebih berminat dengan aktiviti yang lebih lasak. Guru praperkhidmatan berpendapat, kemungkinan berlaku sedemikian adalah disebabkan kegagalan beliau menarik minat dengan aktiviti pengajaran yang menarik. Guru B turut melahirkan masalah pengurusan lain. Beliau berkata;

*“Terdapat satu masalah yang sering mengganggu atau merencatkan perjalanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani ini iaitu tidak memakai pakaian Pendidikan Jasmani yang sesuai ketika kelas subjek ini dijalankan. Perkara ini dilakukan berulang kali dan ini sekaligus menjejaskan keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran.”*

Guru B menjelaskan, mata pelajaran Pendidikan Jasmani masih dianggap tidak penting oleh murid-murid ditambah pula tiada penilaian rasmi terhadap pelajar dijalankan sebagaimana mata pelajaran Bahasa Melayu, Matematik, Sains dan Bahasa Inggeris.

Senario murid mahu bermain permainan kegemaran turut dihadapi oleh guru praperkhidmatan C. Beliau berkata;

*“Apa yang saya kesalkan, senario murid lebih gemar bermain satu permainan sahaja terutamanya bagi murid-murid lelaki. Hampir setiap kelas*

*saya masuk, mereka hanya mahu bermain bola sepak dan badminton. Sedangkan pelbagai kemahiran tertentu perlu dikuasai dengan lebih baik agar dapat memantapkan penguasaan mereka dalam permainan yang digemari. Malangnya, murid-murid kurang berminat untuk mempelajari beberapa kemahiran yang penting. Sukar rasanya mengubah keadaan ini.”*

Guru C mengemukakan masalah lain yang mengganggu pengurusan kelas Pendidikan Jasmani iaitu kekurangan peralatan menyebabkan aktiviti perlu dilakukan dalam kumpulan besar. Kekurangan peluang murid mendapat peluang menggunakan alatan membuka ruang untuk mereka mengganggu rakan-rakan lain. Ketiadaan sekital untuk menandakan sempadan turut menjadi punca murid hilang fokus dan sukar dikawal semasa melakukan aktiviti. Guru praperkhidmatan perlu memperuntukkan masa antara membetulkan teknik kemahiran dengan menguruskan tingkah laku pada masa yang sama. Manakala kawasan yang sempit menyebabkan murid-murid membuat bising dan berasak-asak melakukan aktiviti menolak dan menahan bola. Selain itu, Guru C berpendapat beliau perlu belajar untuk lebih cekap memahirkan diri dengan kemahiran menguruskan kelas Pendidikan Jasmani dengan meminta bantuan daripada rakan sebaya, guru pembimbing dan pensyarah penyelia.

Hasil temu bual kumpulan fokus, peserta memberikan pandangan dan komen melalui beberapa soalan ‘buka-tutup’ terhadap faktor yang mempengaruhi pengurusan kelas Pendidikan Jasmani di sekolah semasa praktikum. Peserta kumpulan fokus menyatakan masalah berkaitan peralatan menyebabkan guru praperkhidmatan seperti mereka memperuntukkan lebih masa untuk tujuan mengurus kelas Pendidikan Jasmani. Bilangan alatan tidak mencukupi, bola pecah dan kurang angin lebih banyak daripada yang boleh digunakan dan gelung rotan yang menjadi alatan penting aktiviti

juga pecah. Selain itu, peralatan juga sering hilang ke kawasan semak di luar pagar sekolah dan menyebabkan semakin berkurangan. Hal ini menjejaskan keperluan kelas Pendidikan Jasmani akan datang.

Kunci bilik peralatan Pendidikan Jasmani dibuka agak lewat kerana dipegang oleh seorang guru sahaja menyebabkan guru praperkhidmatan lewat mendapat peralatan. Hal ini menyukarkan guru praperkhidmatan untuk mendapatkan peralatan lebih awal sebagai persediaan memulakan kelas Pendidikan Jasmani. Peserta kumpulan fokus melaporkan, masa menunggu kunci stor Pendidikan Jasmani merupakan satu pembaziran masa kerana telah melibatkan masa yang diperuntukkan kepada kelas Pendidikan Jasmani. Sepatutnya, apabila murid masuk ke kelas Pendidikan Jasmani mereka sudah boleh memulakan pelajaran tanpa perlu menunggu peralatan. Paling membimbangkan apabila pensyarah penyelia datang membuat penyeliaan tetapi kunci stor Pendidikan Jasmani belum dibuka. Pada masa yang sama guru praperkhidmatan terpaksa ke pejabat mencari kunci pendua. Kawalan murid sementara guru praperkhidmatan mendapatkan kunci terpaksa diserahkan kepada rakan. Seorang peserta kumpulan fokus memberitahu, beliau memperuntukkan 20 minit untuk mendapatkan kunci sedangkan masa untuk kelas Pendidikan Jasmani tersebut hanyalah 30 minit. Tingkah laku agresif murid dalam kelas Pendidikan Jasmani turut membimbangkan guru praperkhidmatan. Kumpulan fokus menyatakan murid lebih gemar membuat bising kerana tidak puas hati dengan aktiviti, berebut-rebut memilih rakan dalam kumpulan dan tidak mahu mengikut arahan. Terdapat juga murid yang suka mengganggu rakan, tidak membawa pakaian sukan, melarikan diri ke bilik darjah dan memencilkan diri daripada melakukan aktiviti. Karenah murid seperti yang dinyatakan menjadikan guru praperkhidmatan terpaksa memperuntukkan sedikit masa untuk mengembalikan keadaan kepada situasi pembelajaran. Menurut

kumpulan fokus lagi, guru praperkhidmatan yang mengajar Pendidikan Jasmani memerlukan bimbingan yang serius daripada guru pembimbing dan pensyarah penyelia. Namun, guru yang ditugaskan sebagai pembimbing hanya memberi bimbingan secara umum sahaja. Masalah akan timbul apabila pensyarah penyelia hadir dan membuat penilaian kerana setelah lebih tiga minggu menjalani praktikum pastilah ada peningkatan dalam pengurusan kelas Pendidikan Jasmani.

Guru praperkhidmatan turut menghadapi dilema apabila pensyarah penyelia lambat hadir dan memberikan komen terhadap pengajaran kelas Pendidikan Jasmani. Kumpulan fokus menjelaskan, guru praperkhidmatan masih teragak-agak dalam menunjuk cara kemahiran baharu terutama kemahiran yang bukan datangnya daripada bidang sukan yang diceburi seperti gimnastik pendidikan, lokomotor, bukan lokomotor, dan pergerakan kreatif. Selain itu, guru praperkhidmatan turut diberikan tugas tambahan seperti ganti kelas dan mengecat yang agak banyak sehingga terpaksa dibuat sehingga petang. Tekanan akan wujud dan perasaan menjadi tidak tenteram apabila berada dalam kelas Pendidikan Jasmani. Akibatnya, kelancaran pengurusan kelas terganggu. Tambahan pula, guru praperkhidmatan dilihat kurang berkemahiran dalam mengaplikasikan kemahiran pedagogi pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani walaupun telah melalui sesi pengajaran mikro. Pengajaran mikro memberi pendedahan dan idea namun menurut kumpulan fokus, pengajaran mikro belum cukup membantu guru praperkhidmatan dari segi pengurusan kelas Pendidikan Jasmani kerana perbezaan 'murid' dalam kelas di sekolah adalah murid sebenar.

Justeru, berdasarkan kepada punca-punca kepada masalah dihadapi, adakah bakal-bakal guru yang dilatih di Institut Pendidikan Guru (IPG) mempunyai kecekapan mengurus kelas Pendidikan Jasmani dengan baik semasa menjalani praktikum?

### **1.3 Pernyataan Masalah**

Terdapat pelbagai masalah telah dikenal pasti dihadapi oleh guru praperkhidmatan ketika mereka menghadapi praktikum. Antaranya adalah tahap kesediaan dan pengetahuan pedagogi guru praperkhidmatan dikatakan kurang memuaskan (Abdul Razak Abd Manaf & Ahmad Shukri Abdul Hamid, 2002; Abu Hassan Kassim, 1995); minat, sikap, pengetahuan dan kemahiran mengajar yang sederhana (Baharin Abu, 2006; Halimah Harun, 2006; Shariff Omar, Baharuddin Aris, Mohd Ghani Awang, & Baharin Abu, 1994); keyakinan diri mereka dalam menyampaikan isi pelajaran juga dikatakan masih rendah (Hashim Othman & Mohd Daud Hamzah, 2001); prestasi guru pelatih ketika praktikum kurang memuaskan (KPTM & KPM, 2005); dan kurangnya usaha guru praperkhidmatan belajar untuk mengajar dan memperbaiki pengajaran (Zakaria Kasa, Soaib Asimirin, Abdul Rasid Jamian, & Yahya Othman, 2001). Manakala Mohar Kassin (2001) mengutarakan masalah kekangan masa, kekurangan peralatan, kemudahan yang tidak mencukupi, guru tidak berkelayakan atau kurang pengalaman mengajar mata pelajaran ini sebagai penghalang kepada keberkesanan pengajaran dan pembelajaran Pendidikan Jasmani di sekolah.

Kecekapan menguruskan kelas Pendidikan Jasmani dapat menjamin pelaksanaan aktiviti pengajaran dan pembelajaran yang berjaya. Menurut Syed Kamaruzaman Syed Ali, Juslimah Jani dan Shabeshan Regasamy (2008), untuk menjadi seorang guru Pendidikan Jasmani yang berkesan dalam melaksanakan proses pengajaran dan pembelajaran bukan merupakan suatu tugas yang mudah. Oleh sebab suasana kelas Pendidikan Jasmani yang berbeza berbanding kelas biasa, elemen pengurusan menjadi keperluan untuk menjamin proses pembelajaran berlaku. Sehubungan itu, menurut Tinning, Kirk dan Evans (1993), perkembangan guru praperkhidmatan dalam persekitaran pengajaran perlu dilihat kepada faktor-faktor

sekolah penempatan praktikum, pensyarah penyelia yang menyelia pengajaran, guru pembimbing, tahap gred pengajian, keadaan semula jadi pelajar dalam kelas dan sejarah peribadi guru tersebut. Manakala maklum balas daripada kumpulan fokus dan refleksi jurnal menggambarkan kebimbangan guru praperkhidmatan yang mengajar Pendidikan Jasmani terhadap kelemahan pengurusan peralatan dan kemudahan, cara bimbingan dijalankan, kemahiran diri sendiri, beban tugas tambahan yang dihadapi, karenah murid, komitmen, keberkesanan pengajaran mikro dan kesukaran memperoleh peralatan dan kemudahan. Maklum balas ini menjelaskan guru praperkhidmatan menghadapi masalah-masalah ini dalam menguruskan kelas Pendidikan Jasmani dengan lebih cekap. Namun, adakah perkara ini menjadi faktor penyebab kepada kecekapan pengurusan kelas kepada semua guru praperkhidmatan yang mengajar Pendidikan Jasmani dalam sesi praktikum?

Oleh itu, tujuan kajian ini ialah untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi kecekapan pengurusan kelas Pendidikan Jasmani guru praperkhidmatan di sekolah rendah dan pandangan mereka tentang cara memperbaikinya. Secara khususnya kajian ini bertujuan untuk a) mengesan hubungan pengaruh terhadap kecekapan pengurusan kelas Pendidikan Jasmani guru praperkhidmatan, dan b) mengenal pasti faktor pengaruh yang paling dominan memberi pengaruh kepada kecekapan pengurusan kelas Pendidikan Jasmani guru praperkhidmatan. Kajian juga bertujuan mengenal pasti apakah sebenarnya yang dikehendaki oleh guru praperkhidmatan dalam menjayakan pengurusan bilik darjah Pendidikan Jasmani mereka.

#### **1.4 Objektif Kajian**

Berdasarkan pernyataan masalah kajian yang telah dikenal pasti, maka objektif kajian adalah untuk;

- 1.4.1 mengesan hubungan faktor yang mempengaruhi pengurusan kelas Pendidikan Jasmani terhadap kecekapan pengurusan kelas Pendidikan Jasmani guru praperkhidmatan.
- 1.4.2 mengenal pasti faktor yang mempengaruhi pengurusan kelas Pendidikan Jasmani yang paling dominan terhadap kecekapan pengurusan kelas Pendidikan Jasmani guru praperkhidmatan.
- 1.4.3 mengenal pasti cadangan guru praperkhidmatan dalam menjayakan pengurusan kelas Pendidikan Jasmani mereka.

#### **1.5 Persoalan Kajian**

Tujuan kajian ini ialah untuk mengkaji faktor-faktor yang mempengaruhi pengurusan kelas Pendidikan Jasmani guru praperkhidmatan di sekolah rendah dan pandangan tentang cara memperbaikinya.

Kajian ini dijalankan dengan tujuan untuk menjawab tiga persoalan berikut:

- i. Adakah terdapat hubungan faktor yang mempengaruhi pengurusan kelas Pendidikan Jasmani terhadap kecekapan pengurusan kelas Pendidikan Jasmani guru praperkhidmatan?
- ii. Apakah faktor yang mempengaruhi pengurusan kelas Pendidikan Jasmani paling dominan terhadap kecekapan pengurusan kelas Pendidikan Jasmani guru praperkhidmatan?

- iii. Apakah cadangan guru praperkhidmatan dalam menjayakan pengurusan kelas Pendidikan Jasmani?

## **1.6 Hipotesis Kajian**

Hipotesis kajian disusun secara berasingan berdasarkan objektif kajian. Langkah ini bertujuan memudahkan analisis ujian hipotesis dan perbandingan dilakukan dengan lebih tersusun. Hipotesis nol kemudiannya dibina dan disenaraikan mengikut susunan hipotesis kajian yang dibentuk daripada objektif dan persoalan utama kajian. Berikut disenaraikan hipotesis kajian yang dibentuk berdasarkan objektif dan persoalan utama kajian bersama hipotesis nol.

Hipotesis Kajian 1: Faktor yang mempengaruhi pengurusan kelas Pendidikan Jasmani tidak mempunyai hubungan yang signifikan dengan kecekapan guru praperkhidmatan mengurus kelas Pendidikan Jasmani sepanjang mereka menjalani sesi praktikum.

Terdapat sembilan hipotesis nol dibina berdasarkan hipotesis kajian 1 dan disenaraikan seperti berikut;

H<sub>0</sub>1: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor pengurusan peralatan dan kemudahan dengan kecekapan pengurusan kelas Pendidikan Jasmani guru praperkhidmatan.

H<sub>0</sub>2: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor bimbingan oleh pensyarah penyelia dengan kecekapan pengurusan kelas Pendidikan Jasmani guru praperkhidmatan.

- H<sub>03</sub>: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor bimbingan oleh guru pembimbing dengan kecekapan pengurusan kelas Pendidikan Jasmani guru praperkhidmatan.
- H<sub>04</sub>: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor kemahiran guru praperkhidmatan dengan kecekapan pengurusan kelas Pendidikan Jasmani guru praperkhidmatan.
- H<sub>05</sub>: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor beban tugas tambahan dengan kecekapan pengurusan kelas Pendidikan Jasmani guru praperkhidmatan.
- H<sub>06</sub>: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor karenah murid dengan kecekapan pengurusan kelas Pendidikan Jasmani guru praperkhidmatan.
- H<sub>07</sub>: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor komitmen guru praperkhidmatan dengan kecekapan pengurusan kelas Pendidikan Jasmani guru praperkhidmatan.
- H<sub>08</sub>: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor pengajaran mikro dengan kecekapan pengurusan kelas Pendidikan Jasmani guru praperkhidmatan.
- H<sub>09</sub>: Tidak terdapat hubungan yang signifikan antara faktor kesukaran memperoleh peralatan dan kemudahan dengan kecekapan pengurusan kelas Pendidikan Jasmani guru praperkhidmatan.

Hipotesis Kajian 2: Semua faktor yang mempengaruhi pengurusan kelas Pendidikan Jasmani dalam kajian ini mempengaruhi kecekapan pengurusan kelas Pendidikan